



SENARAI PROGRAM IN HOUSE ,SWASTA & SYNDICATED DI SALURAN OKEY BERPOTENSI UNTUK JUALAN.

BIL	TAJUK	TARIKH SIARAN	PERSON IN CHARGE
1	IMAMKU OKEY / NUR RAMADAN	29.3.2022 – 3.5.2022	NOR
2	KUSAI – LELAKI DUSUN TERAKHIR	3.4.2022	HISHAM
3	KINABALU AKU RINDU	4.5.2021 – 31.5.2022	WANBAH
4	AMMA	8.5.2022	LG
5	ANNYEONG HASEYO CIKGU	15.5.2022	WAI
6	CINTARA / MASALAH OKU DIKA	26.5.2022	AMEER
7	SELAMAT HARI JADI ABAH	26.5.2022	FATIN
8	MASAK SANA SINI	19.6.2022	BELLA
9	DAPUR LATINO / DAPUR RAMADAN NEW YORK	2.4.2022 –2.5.2022	AYU

10	MPV RAMADAN	5.4.2022 –3.5.2022	FIZA
11	JANGAN CURI HATI SAYA	04.5.2022	KAMA
12	ACAH-ACAH HAJI & HAJAH	10.7.2022	AFNI

IN-HOUSE :

BIL	NAMA PROGRAM	SINOPSIS	KATEGORI	TARIKH SIARAN	HARI SIARAN	MASA SIARAN
5.	IMAMKU OKEY / NUR RAMADAN	SEJAK KECIL LAGI, ADAM SEORANG BUDAK LELAKI YANG SENTIASA BERGAYA DAN BERPAKAIAN RAPI. DIA AKAN MEMASTIKAN PENAMPILANNYA SENTIASA KEMAS. BERBEZA DENGAN AISHAH YANG LASAK DAN BERPERWATAKAN SEPERTI SEORANG BUDAK LELAKI. APABILA DEWASA, ADAM MENJADI SEORANG LELAKI METROPOLITAN YANG BERGAYA METROSEKSUAL, MENJADI IDAMAN PARA WANITA. DIA SEORANG PEMBERSIH HINGGA RUMAHNYA JUGA KELIHATAN BEGITU KEMAS. AISHAH PULA SEORANG WANITA YANG SIMPLE DAN BERPAKAIAN SEPERTI LELAKI. PERTEMBUNGAN ANTARA AISHAH DAN ADAM BERMULA DENGAN PERTENGKARAN AKIBAT PERSELISIHAN FAHAM.	DRAMA BERSIRI	29.3.2022 - 3.5.2022	SELASA - SABTU	1430 - 1630

6.	KUSAI - LELAKI DUSUN TERAKHIR	MENGISAHKAN SEORANG PEMUDA BERNAMA KUSAI BERBANGSA DUSUN YANG KEKAL TINGGAL DI KAMPUNG WALAUPUN KEBANYAKKAN RAKAN-RAKANYA BERHIJRAH KE BANDAR. KUSAI MAHU TERUS BERBAKTI PADA TANAH SEPERTI MENDIANG BAPANYA. SATU INSIDEN BERLAKU APABILA KAWAN LAMANYA YANG KINI MENYAMBUNG PELAJARAN DI KOLEJ PULANG KE KAMPUNG UNTUK MENYIAPKAN <i>ASSIGNMENT</i> DAN MENYEBABKAN KUSAI DIKENAKAN SOGIT (DENDA MENGIKUT ADAT SUKU KAUM TERTENTU DI SABAH) YANG SEBENARNYA HANYA SATU PERANGKAP OLEH RENO YANG BERDENDAM DENGAN KUSAI SEJAK DAHULU LAGI. KUSAI AKHIRNYA MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENYAMBUNG PELAJARAN SEPERTI WASIAT MENDIANG BAPANYA.	TELEMOVIE	3.4.2022	AHAD	1430 - 1630
----	----------------------------------	--	-----------	----------	------	-------------

7.	KINABALU AKU RINDU	KINABALU AKU RINDU MENGISAHKAN 2 ORANG REMAJA BERNAMA AFINA DAN RANDY YANG BERTUNANG ATAS PILIHAN KELUARGA MEREKA. NAMUN RANDY TELAH MELANJUTKAN PELAJARAN DALAM BIDANG KEDOKTORAN DAN TELAH BERKAHWIN DENGAN GADIS PILIHANNYA DI LUAR NEGARA. AFINA KECEWA DAN MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK BERKAHWIN DENGAN RAYYAN, ABANG KEPADA RANDY, NAMUN TIDAK DIPERSETUJUI OLEH IBU AFINA.	DRAMA BERSIRI	4.5.2021 – 31.5.2022	SELASA - SABTU	1430 - 1530
8.	AMMA	BERKAITAN PENGORBANAN IBU DAN PENTINGNYA PERANAN IBU DALAM KEHIDUPAN SESEORANG. MENYINGKAP KISAH SEORANG IBU YANG HILANG PENDENGARAN DAN MENJADI BISU. SELEPAS MELAHIRKAN ANAK IBU TERSEBUT TELAH MENGABAIKAN ANAKNYA.	TELEMOVIE	8.5.2022	AHAD	1430 - 1630

KHAS SWASTA :

BIL	NAMA PROGRAM	SINOPSIS	KATEGORI	TARIKH SIARAN	MASA SIARAN	HARI SIARAN
2.	ANNYEONG HASEYO CIKGU	SABRINA SEORANG ANAK & PELAJAR YANG CEMERLANG DAN MENJADI KESAYANGAN IBU, KAWAN-KAWAN & CIKGU-CIKGU. KEMNCULAN GURU GANTI BERNAMA ADAM YANG BERPERWATAKAN SEPERTI ARTIS KOREA MENYEBABKAN RATNA MENJADI CEMBURU KERANA CIKGU ADAM MEMBERI LEBIH PERHATIAN KEPADA SABRINA. PELBAGAI CARA DIBUAT OLEH RATNA UNTUK MEMBUAT SABRINA TERTEKAN HINGGA TIDAK HADIR KE SEKOLAH. ATAS BANTUAN CIKGU ADAM , SABRINA KEMBALI CERIA DAN HADIR SEMULA KE SEKOLAH.	TELEMOVIE KHAS HARI GURU	15.5.2022	1500 - 1600	KHAMIS
3.	CINTARA / MASALAH OKU DIKA	ADAM & ADIKNYA (HAIKAL) SERING BERTENGGAR. SUATU HARI HAIKAL DIBULI DAN CINCIN ARWAH AYAHNYA DIRAMPAS OLEH PEMBULI. ADAM TIDAK DAPAT MEMBANTU DAN INI MEMBUATKAN HAIKAL MARAH KEPADA ABANGNYA. KEHADIRAN CINTARA MEMBUATKAN ADAM & HAIKAL BERUSAHA UNTUK MEREKUT	TELEMOVIE KHAS KAAMATAN	29.5.2022	1500 - 1600	RABU

		HATINYA. PADA MASA YANG SAMA HAIKAL BERHUTANG DENGAN ALONG DAN MEMERLUKAN 10 RIBU . ADAM TELAH JATUH CINTA TERHADAP CINTARA DAN CINTANYA BERBALAS. HAIKAL PULA INGIN MENDAPATKAN CINTARA AGAR DAPAT MENUNTUT WANG DARI ADAM.				
4.	SELAMAT HARI JADI ABAH	KEPUTUSAN SPM LOKMAN YANG TIDAK BAIK MENIMBULKAN KEMARAHAN ABAH. ABAH (CIKGU MANAF) SENTIASA MENGAWAL ANAK-ANAKNYA DAN MAHU MEREKA JADI YANG TERBAIK. LOKMAN RASA TERKONGKONG KERANA ABAH SERING MENGHALANG MINATNYA. SATU HARI ABAH TERLIBAT DALAM KEMALANGAN DAN BUAH PINGGANG ABAH ROSAK .LOKMAN MENDERMAKAN BUAH PINGGANGNYA KEPADA ABAH. SEMASA HARI JADI ABAH, LOKMAN HADIAHKAN ABAH REPLIKA MOTOR BUATAN TANGANNYA DAN ABAH SEDAR HASIL KRAFTANGAN LOKMAN MAMPU MENJADI SUMBER PENDAPATAN.	TELEMOVIE KHAS HARI BAPA	19.6.2022	1430 - 1630	AHAD

KHAS RAMADAN SWASTA :

BIL	NAMA PROGRAM	SINOPSIS	KATEGORI	TARIKH SIARAN	MASA SIARAN	HARI SIARAN
1.	MASAK SANA SINI	RANCANGAN TRAVELOG MASAKAN BERKONSEPKAN MODEN, URBAN & SANTAI. PENGACARA ATAU CEF SELEBRITI AKAN MENGGEMBARA DAN MENYAJIKAN MASAKAN UNIK DI SETIAP LOKASI YANG BERBEZA DI SELURUH MALAYSIA. ARTIS / SELEBRITI TURUT DIUNDANG UNTUK MEMASAK BERSAMA-SAMA.	MASAKAN	2.4.2022 – 3.5.2022	SABTU - SELASA	1630 - 1700
2.	DAPUR LATINO / DAPUR RAMADAN NEW YORK	RANCANGAN MASAKAN YANG MEMAPARKAN MENU-MENU DARI NEGARA LATIN YANG MANA MASAKAN TERSEBUT DIMASAK OLEH CEF / TETAMU JEMPUTAN YANG MEMANG BERASAL DARI NEGARA-NEGARA TERSEBUT. PADA SEGMENT TERAKHIR PENGACARA (CEF SELEBRITI) AKAN MENGOLAH RESEPI TERSEBUT MENGIKUT CITARASA TEMPATAN DAN BERSAMA-SAMA MENJAMU SELERA BERSAMA ARTIS JEMPUTAN.	MASAKAN	2.4.2022 -2.5.2022	JUMAAT - ISNIN	1230 - 1300



3.	MPV RAMADAN	PENGACARA BERSAMA-SAMA ARTIS JEMPUTAN AKAN BERBUAL-BUAL MENGENAI PELBAGAI PERKARA DI DALAM MPV MILIK PENGACARA DAN AKAN SINGGAH KE BUTIK PILIHAN ARTIS JEMPUTAN.	TRAVELOG	5.4.2022 -3.5.2022	SELASA - KHAMIS	1230 - 1300
4.	JANGAN CURI HATI SAYA	FAHMI PENING MEMIKIRKAN NASIBNYA YANG HENDAK BERKAHWIN NAMUN MNEDAPAT TENTANGAN DARI IBUNYA. INI KERANA IBU FAHMI MAHU FENDI (ABANG) YANG BERKAHWIN TERLEBIH DAHULU KERANA PERNAH GAGAL DALAM PERKAHMINAN SEBANYAK 19 KALI. FENDI TELAH JATUH HATI PADA SEORANG DOKTOR SAKIT JIWA BERNAMA SHAHMILA DAN SANGGUP BERLAKON SEBAGAI PESAKIT MENTAL DAN MASUK KE HOSPITAL SAKIT JIWA AGAR DAPAT BERJUMPA DENGAN DOKTOR TERSEBUT.	TELEMOVIE	4.5.2022	RABU	2200 - 0000

PROGRAM KHAS AIDILADHA SWASTA :

BIL	NAMA PROGRAM	SINOPSIS	KATEGORI	TARIKH SIARAN	MASA SIARAN	HARI SIARAN
1.	ACAH-ACAH HAJI & HAJAH	BORHAN DAN MUSALMAH MENJADI BONGKAK KERANA BERAJAYA MENGIKUTI PAKEJ HAJI YANG PALING MAHAL SEMASA MAHU BERTOLAK KE MEKAH MEREKA TELAH DITIPU. NAMUN DEMI MENDAPAT PUJIAN DARI ORANG KAMPUNG MEREKA BERPURA-PURA MENJADI HAJI & HAJAH. ANIS SALAH SEORANG JEMAAH & MUBIN MENGETAHUI PERBUATAN MEREKA DAN CUBA MENASIHATI NAMUN TIDAK BERAJAYA. KEHADIRAN TUAN SYED MEMBONGKAR PENIPUAN MEREKA BERDUA.	TELEMOVIE KHAS AIDILADHA	10.7.2022	1430 - 1630	AHAD